

UMS diminta jalin kerjasama penyelidikan sains, teknologi

Oleh Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri meminta Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberi tumpuan utama terhadap penyelidikan khususnya dalam bidang sains dan teknologi kerana masih banyak sumber di negeri ini belum diterokai.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata dalam hal ini UMS perlu menjalinkan kerjasama dengan universiti lain sama ada dalam mahupun luar negara agar penyelidikan bersama dapat diwujudkan.

Sambil menyatakan rasa yakin usaha sama penyelidikan antara UMS dengan universiti lain mampu membawa manfaat kepada UMS, beliau berkata jika penyelidikan berjaya, ia turut memberi manfaat kepada negeri ini.

"Kita minta UMS mengadakan lebih banyak penyelidikan khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Ia kerana kita tahu banyak



Musa Aman

sumber yang ditemui sekali gus ia memerlukan banyak penyelidikan. Salah satu, produk kacip fatimah yang dikeluarkan UMS hasil penyelidikan.

"Justeru, kita berharap UMS me-

wujudkan kerjasama dengan universiti lain agar lebih banyak penyelidikan dapat dilaksanakan," katanya ketika mengulas mengenai kemajuan UMS dari segi penyelidikan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas mendengar taklimat kemajuan UMS sempena lawatan rasmi menteri Kabinet Sabah ke UMS di Teluk Sepanggar, dekat sini semalam.

Taklimat mengenai kemajuan UMS disampaikan Naib Canselor UMS, Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman.

Selain taklimat, menteri Kabinet negeri turut dibawa melawat ke Muzium UMS, Institut Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan dan Institut Penyelidikan Marin Borneo.

Musa berkata selain mewujudkan usaha sama dari segi penyelidikan dengan universiti luar, kerjasama itu juga diyakini dapat melahirkan lebih ramai ramai graduan yang berkualiti dan berprestasi tinggi.

Mengenai sama ada kerajaan mencadangkan mana-mana kawasan yang kaya dengan kepelbagaian sumber untuk pihak luar menjalankan penyelidikan seperti Lembah Maliau, Musa berkata kerajaan negeri mengalu-alukan penyelidik dari luar tapi ia perlu dilakukan bersama dengan UMS.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan kedatangan penyelidik. Tapi kita mahu mereka menjalin hubungan dengan UMS," katanya.

Sambil bangga kerana dalam masa 10 tahun UMS sudah menunjukkan kecemerlangan yang turut diiktiraf pihak luar, beliau berkata UMS juga adalah satu institusi yang menjadi kebanggaan negeri malah ketika ini beberapa pelajar dari 14 negara belajar di sini.

Mengenai sama ada kerajaan negeri puas hati dengan jumlah pelajar Sabah di UMS, Musa berkata: "Kita puas hati. Saya difahamkan setakat ini dianggarkan lebih 2,700 daripada kira-kira 6,000 graduan adalah dari Sabah sejak 1999."

Sementara itu, Dr Abu Hassan berkata, setakat ini prestasi pelajar sekolah perubatan di UMS yang bermula tahun lalu memuaskan.

"Sekolah perubatan UMS dimulakan tahun lalu dengan membabitkan seramai 32 pelajar. Setakat ini prestasi mereka amat memuaskan.

"Dalam pada itu, kita turut dibantu oleh beberapa pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia ((USM) untuk memantau dan mengurus program ini," katanya.

Beliau berkata selain itu pelajar perubatan UMS juga akan dihantar ke hospital di kawasan luar bandar untuk menimba pengalaman selain mengetahui lebih lanjut keadaan di kawasan terbabit.

"Ini cara latihan baru yang kita buat untuk memberi pendedahan kepada pelajar. Kementerian Kesihatan juga sudah meluluskan permohonan kita untuk menggunakan semua hospital di negeri ini untuk menjalani latihan," katanya.